

Kajian Kesediaan Dan Kekangan Peperiksaan Akhir Penilaian Alternatif Asas Pengaturcaraan Secara Atas Talian Di Kalangan Pelajar Politeknik Metro Tasek Gelugor

Nor Zalina Binti Salleh, Ku Muhammad Asnawi Bin Ku Yahaya
Politeknik Metro Tasek Gelugor
(zalinasalleh@pmtg.edu.my), (kumuhd_asnawi@pmtg.edu.my)

Abstrak: Sudah hampir setahun lebih Pandemik Novel Corono Virus melanda seluruh dunia. Pelbagai kesan positif dan negatif dapat dilihat dari pelbagai sektor. Teknologi memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian terutama teknologi atas talian. Bidang pendidikan termasuk di politeknik antara yang terlibat aktif dalam penggunaan teknologi atas talian. Di Politeknik Metro Tasek Gelugor Pulau Pinang(PMTG), kaedah peperiksaan akhir telah disesuaikan dengan situasi semasa norma baharu dengan konsep peperiksaan akhir penilaian alternatif(PAlt) yang dilaksanakan secara atas talian. Pengkaji memilih untuk melaksanakan suatu kajian tinjauan dimana kaedah soal selidik digunapakai di atas pelajar asas pengaturcaraan PMTG. Data yang diperolehi akan dianalisis. Secara keseluruhannya, objektif kajian telah dicapai. Kajian ini diharap boleh membantu pihak-pihak berkaitan didalam perlaksanaan penilaian akhir dalam memastikan kualiti pendidikan akan datang.

Kata kunci: PMTG, Pelajar, PAlt

1. PENGENALAN

Teknologi atas talian telah memberikan sumbangan yang besar dalam situasi pandemik. Pelbagai urusan telah tranformasi dan dilaksanakan secara atas talian dengan adanya kekangan pandemik. Bidang pendidikan antara bidang yang terlibat dengan penyesuaian pembelajaran secara atas talian. Konsep pembelajaran telah digunapakai oleh pelbagai institusi pendidikan untuk memastikan pelajar tidak ketinggalan dalam pendidikan walaupun tidak berada di institusi pengajian. Pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran secara atas talian dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti menurut kenyataan (Momani, 2019), E-exam(peperiksaan elektronik) merujuk kepada peperiksaan berkomputer di mana pelajar mengambil peperiksaan menggunakan komputer. E-Exam juga boleh dianggap sebagai satu kaedah tugas fleksibel kerana membenarkan pelajar mengambil peperiksaan tidak mengira masa dan tempat. Selain itu, menurut (Gamage, 2020), peperiksaan rasmi yang dilaksanakan sebagai peperiksaan secara berhadapan telah mengambil bentuk sebagai peperiksaan online di rumah. Akibat daripada pandemik dan juga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia, di peringkat politeknik, suatu pendekatan peperiksaan baharu telah diperkenalkan. Pendekatan ini dalam bentuk atas talian yang telah mengambil alih bentuk peperiksaan yang dijalankan secara bersemuka.

Konsep peperiksaan akhir penilaian alternative (PAlt) telah diperkenalkan. PAlt ini akan dilaksanakan diatas mana mana platform atas talian contohnya seperti platform *Curriculum Information Document Online System* (CIDOS eLearning), *google form* dan lain-lain platform atas talian. Penilaian ini akan dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan oleh politeknik. Terdapat beberapa persoalan yang pengkaji fikirkan mengenai kesediaan dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar terutama bagi pelajar kursus asas pengaturcaraan Politeknik METrO Tasek Gelugor (PMTG) didalam pelaksanaan PAlt asas pengaturcaraan. Oleh itu satu kajian tinjauan dijalankan bagi mengetahui dan melihat kesediaan dan kekangan dalam pelaksanaan PAlt dikalangan pelajar asas pengaturcaraan di PMTG.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian tinjauan ini dijalankan bagi melihat maklumbalas pelajar PMTG mengenai kesediaan dan kekangan PAlt asas pengaturcaraan. Seramai 18 responden pelajar telah memberi maklumbalas soal selidik yang diedarkan melalui platform *Google Forms*. Analisa deskriptif digunakan pada data yang diperolehi. Data terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A merangkumi maklumat diri pelajar asas pengaturcaraan Politeknik METrO Tasek Gelugor yang meliputi maklumat jantina, kelas dan negeri bermastautin. Bahagian B dan C disediakan dalam bentuk Dichotomous Scale. Bahagian B merangkumi maklumat capaian internet yang disediakan dalam bentuk Dichotomous Scale yang terdiri dari 6 soalan. Manakala Bahagian C terdiri daripada dua pecahan iaitu Kesediaan (13 item soalan) dan Kekangan (7 item soalan). Borang selidik yang telah dijawab akan dianalisa.

3. ANALISIS DAN KEPUTUSAN

Jadual 1: Maklumat Responden

No	Maklumat	Pengelasan	Peratusan (%)
01	Jantina	Lelaki	66.7%
		Perempuan	33.3%
02	Kelas	DDT2	27.8%
		DDT3A	55.6%
		DDT3B	16.7%
03	Negeri Bermastautin	Pulau Pinang	27.8%
		W.P. Putrajaya	5.6%
		Perak	16.7%
		Selangor	22.2%
		Johor	1.56%
		Kedah	22.2%

Jadual 1 menunjukkan maklumat responden yang merangkumi Jantina, Kelas dan Negeri bermastautin. Kajian mendapati, peratusan pelajar lelaki adalah lebih tinggi daripada peratusan bilangan pelajar perempuan. Selain itu, peratusan bilangan pelajar mengikut kelas DDT (Diploma didalam Teknologi Maklumat) menunjukkan kelas DDT3A adalah tertinggi iaitu sebanyak 55.6%, diikuti dengan kelas kelast DDT2 sebanyak 27.8%. Kelas DDT3B mencatatkan jumlah bilangan pelajar paling sedikit iaitu sebanyak 16.7%. Bagi maklumat ketiga, negeri bermastautin menunjukkan peratusan bilangan pelajar paling banyak dari negeri Pulau Pinang iaitu sebanyak 27.8%, peratusan pelajar paling sedikit daripada negeri Johor.

Berdasarkan maklumbalas soal selidik yang dijalankan berkenaan maklumat capaian internet, didapati bahawa kebanyakan pelajar kursus asas pengaturcaraan dari PMTG menggunakan kemudahan komputer riba (61.1%) didalam menduduki PAlt. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai akses dan berasa selasa dengan menggunakan peralatan komputer riba. Bagi tinjauan berkaitan “Saya menggunakan Internet di rumah melalui”, peratusan bilangan pelajar yang menggunakan internet mudah alih (66.7%) adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan penggunaan internet talian tetap (33.3%). Selain itu, kebanyakan pelajar kursus asas pengaturcaraan PMTG tidak mempunyai masalah capaian internet dilokasi mereka berada semasa menjalankan PAlt. Didalam PAlt, salah satu keperluan tambahan adalah pencetak. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan, hampir kesemua responden tidak mempunyai

mesin pencetak di kediaman mereka. Dengan adanya mesin pencetak, pelajar boleh mencetak soalan PAlt supaya dapat melihat soalan dengan jelas.

Jadual 2: Maklumat Capaian Internet

No	Maklumat	Pengelasan	Peratusan (%)
01	Saya membuat capaian Internet melalui	Telefon pintar	22.2%
		Komputer Desktop	16.7%
		Komputer riba	61.1%
		Tablet	
02	Saya menggunakan Internet di rumah melalui	Internet talian tetap	33.3%
		Internet mudah alih	66.7%
03	Saya tidak mempunyai masalah capaian Internet di lokasi saya berada sekarang	YA	83.3%
		TIDAK	16.7%
04	Saya mempunyai pencetak di kediaman saya	YA	11.1%
		TIDAK	88.9%
05	Saya bersedia menggunakan teknologi digital yang saya miliki bagi tujuan PAlt	YA	100%
		TIDAK	
06	Bajet perbelanjaan bagi keperluan capaian Internet adalah mencukupi untuk keperluan PAlt atas talian	YA	72.2%
		TIDAK	27.8%

Dari aspek adakah pelajar bersedia menggunakan teknologi digital yang dimiliki bagi tujuan PAlt, keseluruhan responden pelajar asas pengaturcaraan adalah bersedia. Ini disebabkan oleh taklimat awal kepada setiap pelajar kursus asas pengaturcaraan PMTG, dapat membantu pelajar dalam melakukan persediaan awal dalam menduduki PAlt asas pengaturcaraan. Akhir sekali untuk bahagian capaian internet, 72.2% responden mempunyai bajet perbelanjaan bagi keperluan capaian Internet untuk keperluan PAlt atas talian. Ini dapat dibuktikan dengan peratusan responden berjaya menduduki PAlt dalam ruang masa yang ditetapkan.

Jadual 3: Kesiediaan menghadapi Palt asas pengaturcaraan

No	Maklumat	Pengelasan	Peratusan (%)
01	Saya sedia maklum mengenai pelaksanaan PAlt asas pengaturcaraan atas talian	YA	100%
		TIDAK	
02	Saya mempunyai capaian internet yang baik dan tiada masalah dalam melaksanakan PAlt asas pengaturcaraan atas talian	YA	83.3%
		TIDAK	16.7%
03	Saya rasa cemas untuk menjawab PAlt asas pengaturcaraan secara atas talian	YA	55.6%
		TIDAK	44.4%
04	Saya rasa cemas untuk menjawab pengaturcaraan secara atas talian	YA	50%
		TIDAK	50%
05	Saya rasa saya boleh membaca dan menjawab segala arahan dan penilaian dalam PAlt asas pengaturcaraan asas pengaturcaraan secara atas talian	YA	100%
		TIDAK	

06	Saya rasa seronok dalam melaksanakan PAlt asas pengaturcaraan secara atas talian	YA	83.3%
		TIDAK	16.7%
07	Dengan pelaksanaan PAlt asas pengaturcaraan atas talian, saya dapat mengurangkan masa menjawab	YA	61.1%
		TIDAK	38.9%
08	Saya tiada masalah untuk menggunakan apa jua kaedah penilaian	YA	83.3%
		TIDAK	16.7%
09	Saya suka mencuba perkara baru dalam melaksanakan PAlt asas pengaturcaraan walaupun saya tidak pasti hasilnya	YA	88.9%
		TIDAK	11.1%
10	Saya melihat sesuatu perkara baru sebagai cabaran, bukan halangan	YA	94.4%
		TIDAK	5.6%
11	Penerangan pelaksanaan PAlt asas pengaturcaraan atas talian telah diberikan oleh PMTG	YA	100%
		TIDAK	
12	Saya berpendapat pelaksanaan PAlt asas pengaturcaraan secara atas talian mampu menggantikan peperiksaan akhir asas pengaturcaraan secara bersemuka	YA	94.4%
		TIDAK	5.6%
13	Saya berpendapat pelaksanaan PAlt asas pengaturcaraan secara atas talian adalah satu kaedah yang adil didalam menggantikan kaedah traditional peperiksaan mengikut situasi semasa	YA	94.4%
		TIDAK	5.6%

Jadual 3 menunjukkan kesediaan pelajar menghadapi PAlt asas pengaturcaraan. Keseluruhan responden maklum mengenai perlaksanaan PAlt asas pengaturcaraan atas talian. Hampir 83.3% responden mempunyai capaian internet yang baik dan tiada masalah dalam melaksanakan PAlt asas pengaturcaraan atas talian. Bagi tinjauan berkaitan “Saya rasa cemas untuk menjawab PAlt asas pengaturcaraan secara atas talian”, peratusan pelajar merasa cemas mempunyai pembahagian yang hampir sama. Ini mungkin didorong dengan pengalaman kali pertama pelajar menghadapi peperiksaan akhir secara atas talian. Begitu juga dengan purata yang dicapai bagi “Saya rasa cemas untuk menjawab pengaturcaraan secara atas talian”, terdapat keseimbangan diantara respon positif dan negatif. Walaubagaimanapun, tinjauan terhadap pelajar “Saya rasa saya boleh membaca dan menjawab segala arahan dan penilaian dalam PAlt asas pengaturcaraan secara atas talian” tidak mempunyai masalah dalam situasi ini. Ini mungkin didorong dengan bantuan penggunaan teknologi dalam pelaksanaan PAlt. Bagi tinjauan “Saya rasa seronok dalam melaksanakan PAlt asas pengaturcaraan secara atas talian”, peratusan pelajar merasa seronok dengan pelaksanaan PAlt (83.3%) adalah lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang tidak seronok dengan pelaksanaan PAlt (16.7%). 61.1% pelajar bersetuju “dengan pelaksanaan PAlt asas pengaturcaraan atas talian, saya dapat mengurangkan masa menjawab”. Walaupun soalan PAlt mempunyai bentuk sama dengan penilaian akhir terdahulu, namun kebanyakan pelajar merasa selesa dengan ruang masa yang diberikan. Bagi tinjauan “Saya tiada masalah untuk menggunakan apa jua kaedah penilaian”, (83.3%) pelajar bersedia menggunakan pelbagai kaedah penilaian berbanding dengan (16.7%) pelajar. Dari segi aspek “Saya suka mencuba

perkara baru dalam melaksanakan PAlt asas pengaturcaraan walaupun saya tidak pasti hasilnya”, (88.9%) pelajar bersikap terbuka dalam menjalani PAlt. Ini selaras dengan aspek “Saya melihat sesuatu perkara baru sebagai cabaran, bukan halangan”, dimana pelajar yang positif mencatatkan respon (94.4%). Bagi tinjauan “Penerangan pelaksanaan PAlt asas pengaturcaraan atas talian telah diberikan oleh PMTG”, kesemua pelajar bersetuju dimana PMTG telah melaksanakan penerangan PAlt dengan pelbagai kaedah termasuk penerangan dari pensyarah kursus serta penasihat akademik. Dalam keadaan situasi semasa, bagi aspek “Saya berpendapat pelaksanaan PAlt asas pengaturcaraan secara atas talian mampu menggantikan peperiksaan akhir asas pengaturcaraan secara bersemuka”, (94.4%) pelajar bersedia dengan peralihan bentuk penilaian akhir kursus. Peratusan yang sama juga dicapai bagi aspek “Saya berpendapat pelaksanaan PAlt asas pengaturcaraan secara atas talian adalah satu kaedah yang adil didalam menggantikan kaedah traditional peperiksaan mengikut situasi semasa”.

Jadual 4: Kekangan menduduki PAlt asas pengaturcaraan

No	Maklumat	Pengelasan	Peratusan (%)
01	Saya memerlukan masa yang panjang untuk menjawab soalan objektif PAlt asas pengaturcaraan secara atas talian	YA	55.6%
		TIDAK	44.4%
02	Saya memerlukan masa yang panjang untuk memuat naik jawapan bahagian struktur PAlt asas pengaturcaraan secara atas talian	YA	66.7%
		TIDAK	33.3%
03	Sambungan internet mengalami gangguan	YA	38.9%
		TIDAK	61.1%
04	Platform PAlt asas pengaturcaraan mengalami masalah capaian	YA	11.1%
		TIDAK	88.9%
05	Saya berjaya menjawab semua soalan PAlt asas pengaturcaraan dalam lingkungan masa yang ditetapkan	YA	100%
		TIDAK	
06	Saya berjaya memuat naik semua soalan PAlt asas pengaturcaraan dalam lingkungan masa yang ditetapkan	YA	100%
		TIDAK	
07	Saya lebih suka menjawab soalan PAlt asas pengaturcaraan secara atas kertas	YA	77.8%
		TIDAK	22.2%

Bagi aspek “Saya memerlukan masa yang panjang untuk menjawab soalan objektif PAlt asas pengaturcaraan secara atas talian”, (55.6%) bersetuju dengan aspek berikut. PAlt pengaturcaraan di rancang untuk dijawab dalam masa dua jam serta mempunyai pelbagai tahap kognitif. Manakala aspek “Saya memerlukan masa yang panjang untuk memuat naik jawapan bahagian struktur PAlt asas pengaturcaraan secara atas talian”, (66.7%) memerlukan masa panjang kerana faktor jawapan di muatnaik dalam bentuk pdf dan gambar. Hampir keseluruhan pelajar tidak mengalami masalah gangguan sambungan internet dengan mencatatkan peratusan (61.1%). Berkaitan dengan aspek itu, (88.9%) pelajar tidak mengalami masalah dalam mengakses Platform PAlt asas pengaturcaraan. Kesemua pelajar berjaya menjawab semua soalan PAlt asas pengaturcaraan dalam lingkungan masa yang ditetapkan. Begitu juga dengan aspek “berjaya memuat naik semua soalan PAlt asas pengaturcaraan dalam lingkungan masa yang ditetapkan”. Akhir sekali, (77.8%) pelajar lebih suka menjawab soalan PAlt asas pengaturcaraan secara atas

kertas iaitu kaedah traditional.

4. KESIMPULAN

Kajian melihat kepada kesediaan dan kekangan peperiksaan akhir penilaian alternatif asas pengaturcaraan secara atas talian di kalangan pelajar PMTG. Daripada dapatan kajian yang diperolehi, dari aspek pengetahuan berkaitan PAlt, kebanyakan responden pelajar mengetahui mengenai pelaksanaan penilaian akhir secara atas talian dan sudah bersedia dari segi kemudahan. Namun dari dapatan pengetahuan juga menggambarkan hanya sebahagian responden pelajar bersedia secara emosi dalam menghadapi penilaian akhir dalam bentuk baru.

Merujuk kepada aspek maklumat kesediaan pelajar asas pengaturcaraan PMTG terhadap PAlt asas pengaturcaraan, menunjukkan pelajar bersedia menghadapi PAlt pada hari dan waktu yang ditetapkan. Selain itu, pelajar meluangkan masa yang lama dalam menjawab soalan PAlt namun kesemua pelajar berjaya memuatnaik jawapan PAlt dalam masa yang ditetapkan. Pelajar asas pengaturcaraan PMTG sedar akan kepentingan pelaksanaan penilaian akhir secara atas talian dalam situasi semasa namun sebahagian responden masih lagi memilih untuk menjalankan penilaian menggunakan kaedah tradisional iaitu secara bersemuka.

Berkenaan kekangan didalam pelaksanaan PAlt secara atas talian dikalangan pelajar asas pengaturcaraan PMTG, kerisauan responden adalah lebih terarah kepada gangguan internet. Kekangan ini menyebabkan pelajar perlu mengambil langkah – langkah persediaan seperti yang diterangkan oleh pensyarah kursus beserta panduan dari kementerian. Dalam masa yang sama, pensyarah juga perlu menyediakan soalan set kedua sekiranya menghadapi situasi luar jangka seperti gangguan internet.

Terdapat beberapa cadangan, pengkaji menyarankan agar pihak yang berkenaan seperti kerajaan dapat menaiktaraf mutu perkhidmatan jaringan internet. Langkah ini penting bagi membantu pelaksanaan pendidikan atas talian. Selain itu, diharap insentif dalam pemberian data internet dapat diberikan kepada pelajar dalam menjalani PAlt. Ini bagi memastikan setiap pelajar dapat menjalani PAlt dengan kemudahan data secara percuma. Pengkaji juga menyarankan kepada pihak politeknik mengkaji platform atau kaedah paling mudah dan melibatkan penggunaan capaian internet paling sedikit untuk memudahkan pelajar. Dari segi PAlt sendiri, mungkin bentuk penilaian perlu diubah kepada kaedah yang lebih mudah seperti penilaian dalam bentuk projek atau menggunakan medium whatsapp. Bagi pengkaji akan datang, pengkaji menyarankan agar satu kajian khusus yang melibatkan pelajar semua subjek di politeknik . Secara kesuluruhannya, objektif kajian telah dicapai bagi melihat kesediaan dan kekangan PAlt asas pengaturcaraan secara atas talian di kalangan pelajar asas pengaturcaraan di PMTG.

RUJUKAN

- Azreen, N. S., Mohd Ghadafi, S., & Mohd Ezry, M. R. T. (2020, December). *KESEDIAAN DAN KEKANGAN PENGGUNAAN BIGBLUEBUTTON DI KALANGAN PENSYARAH POLITEKNIK METrO JOHOR BAHRU*. Researchgate. https://www.researchgate.net/publication/347178235_KESEDIAAN_DAN_KEKANGAN_PENGGUNAAN_BIGBLUEBUTTON_DI_KALANGAN_PENSYARAH_POLITEKNIK_METrO_JOHOR_BAHRU
- Gamage, K. A. A., Silva, E. K. de, & Gunawardhana, N. (2020). *Online Delivery and Assessment during COVID-19: Safeguarding Academic Integrity*. *Education Sciences*, 10(11), 301. MDPI AG. Retrieved from <http://dx.doi.org/10.3390/educsci10110301>
- al Momani, O. H. J. (2019). *THE ATTITUDES OF UNDERGRADUATE STUDENTS TOWARDS USING EEXAMS FOR ASSESSMENT IN JORDAN*. Eajournals. <https://www.eajournals.org/wp-content/uploads/The-Attitudes-of-Undergraduate-Students-towards-Using-E-exams-for-Assessment-in-Jordan.pdf>